

MAHATHIR - WAKIL

SEPANG, 1 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN MEMILIH SESEORANG WAKIL RAKYAT ITU SEMATA-MATA KERANA SAYANGKANYA SEDANGKAN ORANG ITU TIDAK BOLEH MEMBAWA PEMBANGUNAN.

BELIAU BERKATA, RAKYAT HARUS MEMILIH WAKIL DARIPADA PARTI KERAJAAN KERANA MEREKA SAHAJALAH YANG MENOLONG RAKYAT.

+PILIHAN RAYA BUKAN UNTUK PILIH ORANG YANG KITA SAYANG... YANG MENZIARAHILAH BILA KITA SAKIT, YANG BANTU BASUH PINGGAN SEMASA KENDURI. PILIHAN RAYA BERTUJUAN UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN,+ KATANYA PADA MAJLIS PERHIMPUNAN PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT DI KHEMAH PERCUTIAN PANTAI BAGAN LALANG, DEKAT SINI.

+TIDAK CUKUP DENGAN HANYA MEMILIH ORANG YANG KITA SAYANGI KERANA SEORANG SAHAJA (WAKIL RAKYAT) TIDAK CUKUP UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN,+ KATANYA.

BELIAU SETERUS MENGGESA RAKYAT SUPAYA MEMASTIKAN KEMENANGAN SEBILANGAN BESAR WAKIL KERAJAAN PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG BAGI MEMBOLEHKAN KERAJAAN TERUS BERKHIDMAT. -- LAGI.

1424MST 01 07 90

D706

U B490 BAH
MAHATHIR - WAKIL 2 SEPANG

PERDANA MENTERI MENASIHATI PENDUDUK SEPANG SUPAYA JANGAN MENGULANGI AMALAN MEREKA SUATU KETIKA DAHULU YANG MEMILIH WAKIL RAKYAT SEMATA-MATA KERANA SAYANG KEPADANYA.

BELIAU JUGA MEMBERI CONTOH ANGGOTA PARLIMEN BUKIT BINTANG, ENCIK LEE LAM THYE YANG MENURUTNYA DAPAT BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT KERANA DIBANTU OLEH KERAJAAN.

+LEE LAM THYE SEORANG SAHAJA TIDAK BOLEH BUAT APA-APA. DIA DAPAT BERKHIDMAT KERANA KITA BANTU DIA. KERANA ITULAH DIA BAIK DENGAN KITA... DENGAN PEGAWAI KERAJAAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, RAKYAT HENDAKLAH MEMIKIRKAN APAKAH SUMBANGAN PARA PEMIMPIN PEMBANGKANG TERMASUK SEMANGAT 46 KEPADA MEREKA SEBELUM INI.

MENURUTNYA, SEMANGAT 46 YANG MERUPAKAN SERPIHAN UMNO SEPATUTNYA BERLAGAK SEPERTI UMNO DAN TIDAK BERKAWAN DENGAN DAP DAN PAS YANG NYATA BERTENTANGAN DENGAN UMNO. -- LAGI.

1553MST 01 07 90

D712

U B493 BAH
MAHATHIR - WAKIL 3 SEPANG

BELIAU MEMPERSOALKAN PENDIRIAN SEMANGAT 46 YANG PADA SUATU MASA DAHULU BERJUANG BERMATI-MATIAN UNTUK MENUMBANGKAN PAS DI KELANTAN TETAPI KINI MENYANJUNG PARTI ITU.

MENGENAI PAS PERDANA MENTERI BERKATA, PARTI ITU TELAH MENYIMPANG DALAM PERJUANGAN UNTUK MENEGAKKAN ISLAM KERANA BEKERJASAMA DENGAN DAP YANG TERANG-TERANG MAHUKAN SISTEM SEKULAR.

+PARA PEMIMPIN PAS YANG MENYINGKIRKAN DATUK ASRI MUDA KERANA KONONNYA TIDAK PERJUANGKAN ISLAM KINI LEBIH MENYELEWENG PERJUANGAN MEREKA,+ TAMBAH BELIAU.

DR MAHATHIR JUGA MEMBIDAS PEMIMPIN PEMBANGKANG SEPERTI V.DAVID DAN ZAINAL RAMPAK YANG JUGA MERUPAKAN PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA KERANA MAHU MENGHANCURKAN PERIUK NASI KAUM PEKERJA DENGAN MENYURUH ORANG ASING MENGHAPUSKAN TARAF GSP UNTUK MALAYSIA.

MENURUTNYA, GOLONGAN SEPERTI INILAH YANG MENGHASUT PEKERJA KILANG HITACHI DI BANGI SUPAYA MENGADAKAN MOGOK HARAM BARU-BARU INI SEHINGGA MEREKA HAMPIR KEHILANGAN PEKERJAAN. -- LAGI.

0710

U B491 BAH
MAHATHIR - WAKIL 4 SEPANG

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA KEMUDIAN, PERDANA MENTERI BERKATA, SELAMA INI ENCIK V. DAVID YANG MEMBERI MAKLUMAT SALAH MENGENAI KEADAAN DALAM NEGERI SEDANGKAN BELIAU TAHU TANPA GSP BARANGAN NEGARA TIDAK DAPAT BERSAING.

+DIA KATA NAK SOKONG (KERAJAAN)... SOKONG DENGAN SYARAT IAITU MAHU MENYOKONG USAHA KERAJAAN MEMPERTAHANKAN TARAF GSP TETAPI MENDESAK KERAJAAN MEMBUAT PELBAGAI TUNTUTAN KEPADA KERAJAAN BERHUBUNG NASIB PEKERJA DI NEGARA INI.+

KATANYA, SEKIRANYA DITUBUHKAN KESATUAN SEKERJA ELEKTRONIK IA BOLEH MENDORONG BERLAKUNYA TINDAKAN PERUSAHAAN DAN MOGOK SEPerti DI HITACHI.

MENGENAI MANIFESTO BN, BELIAU BERKATA, KERAJAAN BN MAHU MENERUSKAN KESTABILAN NEGARA DAN MENGURANGKAN BERPOLITIK.

KATANYA, BAGAIMANAPUN JAWATANKUASA BAGI MENYEDIAKAN MANIFESTO ITU YANG DIPENGERUSIKAN OLEH ENCIK GHAFAR BABA YANG JUGA SETIAUSAHA BARISAN NASIONAL (BN) TELAH MENGADAKAN BEBERAPA PERBINCANGAN. -- LAGI.

1603MST 01 07 90

D711

U B492 BAH
MAHATHIR - WAKIL 5 SEPANG

KETIKA DITANYA TENTANG KUMPULAN PEMERHATI PILIHAN RAYA KOMANWEL, BELIAU BERKATA, BELIAU BELUM MEMBUAT JEMPUTAN RASMI KEPADA MANA-MANA PEMERHATI ATAU MENETAPKAN BIDANG TUGAS MEREKA.

KATANYA, SETAKAT INI BELIAU HANYA BERURUSAN MENGENAI PERKARA ITU DENGAN SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL SIR SRIDATH RAMPHAL.

+KITA SANGGUP BERCAKAP DENGAN PARTI LAWAN UNTUK NAK TAHU APA YANG MEREKA HENDAK TETAPI KALAU NAK DIKENAKAN SYARAT ITU DAN INI, SUSAPHLAH SIKIT.+

KATANYA, OLEH ITU, PEMBANGKANG HENDAKLAH TERIMA APA SAHAJA YANG AKAN DIBUAT OLEH KUMPULAN PEMERHATI ITU KELAK.

SEBELUM ITU DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DIBAWA DENGAN KERETA DIIRINGI OLEH KIRA-KIRA 1,000 ANGGOTA-ANGGOTA PEMUDA PARTI-PARTI KOMPONEN BN BERMOTOSIKAL SEJAUH 13 KM KE PUSAT PERANGINAN PANTAI BAGAN LALANG DARI SEK MENENGAH SUNGAI RAWANG.

SETIBANYA DI PUSAT PERANGINAN ITU DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ROMBONGAN DISAMBU DENGAN PUKULAN GENDANG JAWA DAN KEMUDIANNYA DI ARAK KE PENTAS DENGAN IRINGAN PEMBWA BENDERA DAN SIRIH JUNJUNG SERTA PESILAT-PESILAT. -- BERNAMA.

1606MST 01 07 90